

Anwar nafi nama Ketua Hakim Negara baharu ditukar saat akhir

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan nama Ketua Hakim Negara yang diumumkan baru-baru ini, sudah dikemukakan dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong lebih awal, bukan ditukar pada saat akhir seperti didakwa segelintir pihak.

Menyifatkan dakwaan kononnya berlaku pertukaran calon pada saat akhir sebagai tohmahan tidak berasas yang sengaja dipolitikkan, Perdana Menteri berkata, tindakan terbabit sengaja mahu mencetuskan kekeliruan dan kegelisahan rakyat terhadap sistem kehakiman.

“Sistem (kehakiman) itu dikatakan sudah dirosakkan, ada yang sengaja mahu mempolitikkan isu (ini). Seminggu kita (kerajaan) dihentam kononnya Perdana Menteri tidak menjawab. Mana mungkin saya boleh jawab ketika itu kerana proses (pelantikan hakim) masih berjalan.

“Cadangan pelantikan Ketua Hakim Negara perlu melalui peruntukan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan saranan daripada Perdana Menteri untuk diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas dirunding bersama Majlis Raja-Raja,” katanya di sini, semalam.

Anwar berkata, beliau sudah mengemukakan nama calon bagi jawatan kehakiman terbabit kepada Yang di-Pertuan Agong lebih awal, namun tidak boleh mendahului proses terbabit memandangkan perbincangan Majlis Raja-Raja berlangsung pada 15 dan 16 Julai lalu.

“Nama calon sudah saya kemukakan lebih awal, sebelum negara ‘riuh’. Kita hanya menunggu giliran Majlis Raja-Raja bermesyuarat pada 15 dan 16 Julai.

“Pelantikan lain termasuk hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan juga sudah dihantar dua hingga dua setengah bulan lebih awal. Semuanya ikut proses. Tiada siapa boleh mendahului rundingan Majlis Raja-Raja dan perkenan Tuan-ku,” katanya.

Justeru, beliau berkata, tidak timbul isu pertukaran calon pada saat akhir kerana nama sudah dikemukakan lebih awal dan ia tidak berubah.

“Kononnya, ada nama lain yang masuk, Datuk ini atau Tan Sri itu. Tetapi sebenarnya tidak ada. Itu semua hanya spekulasi yang sengaja direka.

“Saya percaya ada juga pihak yang membocorkan maklumat dan menyebarkan cerita sebegini, tidak mengapalah itu kerja mereka. Tetapi sekarang, bila sudah jelas, tak ada siapa bersuara,” katanya.